

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BARKATH MANAGEMENT SERVICES SDN BHD
PULAU PINANG

OLEH
TAN KEE TAT
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)


2005

1100045057

Perpustakaan
s dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LJ 101 FPE 4 2005



1100045057

Laporan akhir latihan industri di Barkath Management Services Sdn. Bhd. Pulau Pinang / Tan Kee Tat.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAJINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045057

1100045057

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEN

5005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BARKATH MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD.
PULAU PINANG**

Oleh

**TAN KEE TAT
Sarjana Muda Pengurusan
(Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100045057

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Tan Kee Tat mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Tan Kee Tat

Tarikh: 26 - 11 - 2005

Disahkan oleh



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Saya berasa amat bersyukur kerana telah berjaya menyiapkan laporan latihan industri saya di Barkath Management Services Sdn. Bhd. Dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada mereka yang telah membantu saya untuk menjayakan laporan latihan industri ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak KUSTEM kerana telah berjaya mewujudkan Program Latihan Industri ini. Tanpa KUSTEM, saya tidak akan berpeluang memperoleh ilmu dan pengalaman yang sebenar dalam alam pekerjaan. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada urusetia program ini kerana bertungkus-lumus menyediakan dan menyiapkan segala keperluan latihan industri ini.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Marhana Mohd. Anuar selaku penyelia KUSTEM saya. Tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau amat membantu saya dalam menyiapkan laporan latihan industri saya. Beliau sangat prihatin dan ikhlas untuk membantu saya.

Sementara itu, saya juga tidak akan lupa mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia industri saya iaitu Dr. Paskaren Shan dan staf-staf di

Jabatan Pemasaran dan Jualan, iaitu Encik K. Asokan, Encik J. Vasudevan, Encik Mohd. Sufian dan Encik Ang Soon Hwa. Tanpa mereka, saya tidak akan dapat menjalankan latihan industri saya dengan lancar dan sempuma. Mereka telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dengan hati yang ikhlas dan sabar.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan di Barkath Management Services Sdn. Bhd. atas pertolongan mereka yang ikhlas. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan saya kerana memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada saya untuk menghasilkan laporan latihan industri ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Senarai Rajah	vii
Ringkasan Eksekutif	viii
Bab 1: Latar Belakang Organisasi	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Organisasi	1
1.1.2 Misi Barkath Management Services Sdn. Bhd.	5
1.1.3 Objektif Barkath Management Services Sdn. Bhd.	5
1.1.4 Pemilikan	5
1.1.5 Tumpuan Pasaran	6
1.1.6 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	6
1.2 Maklumat Organisasi	7
1.3 Carta Organisasi	8
1.3.1 Jabatan Pemasaran & Jualan	12
1.3.2 Jabatan Pentadbiran	14
1.3.3 Jabatan Kewangan	16
1.3.4 Jabatan Sumber Manusia	18
1.4 Aktiviti Organisasi	19
1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	20

Bab 2: Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian	23
2.1 Penemuan Di Jabatan Pemasaran Dan Jualan	23
2.1.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	23
- Sistem Pencarian Data Jualan	
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	28
2.1.3 Cadangan Penyelesaian	31
2.2 Penemuan Di Jabatan Kewangan	34
2.2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	34
- Sistem Pengawalan Akaun	
2.2.2 Pengenalpastian Masalah	40
2.2.3 Cadangan Penyelesaian	43
2.3 Penemuan Di Jabatan Kewangan	46
2.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	46
- Sistem Pembukaan Akaun Pelanggan	
2.3.2 Pengenalpastian Masalah	50
2.3.3 Cadangan Penyelesaian	53
Bab 3 Penutup	56
Rujukan	58
Lampiran	59

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Carta Organisasi Barkath Management Services Sdn. Bhd.	11
Rajah 2: Sistem Pencarian Data Jualan	24
Rajah 3: Sistem Pengawalan Akaun	36
Rajah 4: Sistem Pembukaan Akaun Pelanggan	47

RINGKASAN EKSEKUTIF

Barkath Management Services Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang berpotensi untuk berkembang. Syarikat ini terletak di kawasan yang strategik di pusat bandar yang berhampiran dengan Jeti Pulau Pinang. Di sekeliling syarikat ini, terdapat juga pelbagai kemudahan seperti perkhidmatan bank, pusat makanan dan minuman serta sebagainya. Di samping itu, syarikat ini juga terletak di satu kawasan yang dipenuhi oleh syarikat-syarikat pembiagaan yang lain.

Sepanjang latihan industri selama 12 minggu yang lalu, pelatih telah mengenalpasti sistem yang sedia ada di Jabatan Pemasaran dan Jualan serta Jabatan Kewangan. Antara sistem-sistem yang dikenalpasti ialah sistem pencarian data jualan di Jabatan Pemasaran dan Jualan, sistem pengawalan akaun di Jabatan Kewangan dan sistem pembukaan akaun pelanggan di Jabatan Kewangan.

Masalah utama yang dapat ditemui daripada sistem-sistem tersebut ialah laporan yang gagal memberi kita informasi yang dikehendaki, kekurangan tempat untuk meletakkan fail, sistem perkomputeran yang kurang canggih dan sebagainya. Untuk mengelakkan masalah tersebut daripada terus merebak, pelatih telah mencadangkan beberapa alternatif bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Walaupun masalah-masalah tersebut tidak begitu serius, namun jika tidak mencari jalan penyelesaiannya, ia akan menimbulkan masalah yang serius pada masa akan datang.